

Berita Minggu, Ahad, 25 November, 1979

Berniaga ikut kemampuan — Dr. M

KUALA LUMPUR, Sabtu — Para usahawan Bumiputera dinasihatkan menjelaskan perniagaan atau perusahaan sesuai dengan keupayaan masing-masing bagi mengelakkan kegagalan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata kerap berlaku kegagalan usahawan Bumiputera kerana lebih mengutamakan perniagaan besar-besaran sedangkan mereka tidak mempunyai keupayaan dari segi pengalaman dan pengurusan.

Janganlah terlalu bercita besar untuk kaya segera dan menjadi jutawan hingga sanggup membuat pinjaman berlebihan dari bank untuk membuka perniagaan atau perusahaan sebesar-besar yang boleh, katanya.

Tanpa disesuaikan dengan keupayaan yang ada, kata beliau, sudah tentu perniagaan tersebut gagal.

Berucap merasmikan konvensyen usahawan Bumiputera anjuran UMNO Cawangan Jalan Haji Hussein di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri menasihatkan usahawan Bumiputera 'bercita-cita kecil sebelum bercita-cita besar' atau 'think small before think big'.

Kerajaan, menurutnya, tidak pula menegah usahawan bumiputera melibatkan diri dalam perusahaan besar-besaran.